

# MyPiP

[My Programme Information Platform]

**MOHD SALIHIN JAMIAN**

Politeknik Port Dickson

Jabatan Perdagangan
Politeknik Port Dickson  (PPD).
Alamat KM 14,
Jalan Pantai,
71050 SiRusa, Negeri Sembilan
No Tel: 06-662 2000.
No Fax: 06-662 2026.
www.polipd.edu.my
Cetakan pertama 2018

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak dibenarkan ditiru, diterbit semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakamanan atau sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Politeknik Port Dickson (PPD).

Diterbitkan oleh:
Politeknik Port Dickson (PPD).
Alamat KM 14,
Jalan Pantai,
71050 SiRusa, Negeri Sembilan

ISBN

# ISI KANDUNGAN MUKASURAT


| | | |
|---|---|---|
| **1.** | **PENGENALAN** | |
| | 1.1. Latar Belakang | 1 |
| | 1.2. Rasional Penyediaan | 1 - 2 |
| | 1.3. Kaedah Penyimpanan SEBELUM dan SELEPAS | 2 - 3 |
| | 1.4. Tujuan Inovasi | 3 |
| **2.** | **MANUAL ASAS MEMBANGUNKAN PLATFORM MyPiP** | |
| | 2.1. Kaedah Log Masuk | 4 |
| | 2.2. Kaedah Untuk Create Platform | 5 - 7 |
| | 2.3. Kaedah Untuk Customized Platform | 8 - 14 |
| | 2.4. Kaedah Untuk Tetapkan Enrollment Method | 15 |
| **3.** | **CONTOH MyPiP YANG TELAH DIBANGUNKAN** | 16 - 23 |
| **4.** | **IMPAK DAN KEBERKESANAN** | |
| | 4.1. Kelancaran Serahan Tugas Kepada Pelapis | 24 |
| | 4.2. Kemudahan Mengakses | 25 |
| | 4.3. Kebenaran Mengakses | 26 |
| | 4.4. Proses Kerja Lebih Produktif | 26 - 27 |
| | 4.5. Keberkesanan Terhadap Sistem Pengurusan Maklumat | 27 |
| **5.** | **KESIMPULAN** | 28 |

# PRAKATA

e-Pembelajaran merupakan satu kaedah pembelajaran atas talian yang berasaskan LMS (Learning Management System). Perlaksanaan e-pembelajaran dikebanyakkan Politeknik Malaysia mengguna pakai CIDOS (Curriculum Information Document Online System) sebagai kaedah pembelajaran secara atas talian. Sejajar dengan perkembangan teknologi tanpa wayar mutakhir ini, aplikasi CIDOS semakin mudah diakses dan diguna pakai di mana jua pada bila-bila masa. Sehubungan itu, tujuan inovasi ini dijalankan adalah untuk memanipulasi dan memaksimumkan penggunaan CIDOS bukan hanya untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran malah dapat dimanfaatkan untuk kegunaan lain di dalam organisasi pengurusan.

Bertitik tolak dari keperluan inilah maka terhasilnya My Programme Information Platform (MyPiP). MyPiP adalah sebuah platform bersepadu berasaskan LMS (Learning Management System) yang diaplikasikan dari penggunaan CIDOS (Curriculum Information Document Online System) untuk kegunaan semua peringkat pengurusan di dalam sesuatu organisasi. Untuk permulaan, calon sebagai Ketua Program Pemasaran telah cuba untuk membangunkan satu platform bersepadu bagi memudahkan kerja-kerja penyimpanan dokumen dan perkongsian maklumat.

**Mohd Salihin Bin Jamian**
**30 Oktober 2018**
**Port Dickson**

# 1. PENGENALAN

## 1.1 LATAR BELAKANG

e-Pembelajaran merupakan satu kaedah pembelajaran atas talian yang berasaskan LMS (Learning Management System). Perlaksanaan e-pembelajaran dikebanyakkan Politeknik Malaysia mengguna pakai CIDOS (Curriculum Information Document Online System) sebagai kaedah pembelajaran secara atas talian. Sejajar dengan perkembangan teknologi tanpa wayar mutakhir ini, aplikasi CIDOS semakin mudah diakses dan diguna pakai di mana jua pada bila-bila masa. Sehubungan itu, tujuan inovasi ini dijalankan adalah untuk memanipulasi dan memaksimumkan penggunaan CIDOS bukan hanya untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran malah dapat dimanfaatkan untuk kegunaan lain di dalam organisasi pengurusan.

Bertitik tolak dari keperluan inilah maka terhasilnya My Programme Information Platform (MyPiP). MyPiP adalah sebuah platform bersepadu berasaskan LMS (Learning Management System) yang diaplikasikan dari penggunaan CIDOS (Curriculum Information Document Online System) untuk kegunaan semua peringkat pengurusan di dalam sesuatu organisasi. Untuk permulaan, calon sebagai Ketua Program telah cuba untuk membangunkan satu platform bersepadu bagi memudahkan kerja-kerja penyimpanan dokumen dan perkongsian maklumat.

## 1.2 RASIONAL PENYEDIAAN

Rasional penyediaan inovasi ini adalah bertitik tolak daripada kelemahan terhadap sistem amalan penyimpanan dokumen dan penyampaian maklumat yang diguna pakai pada ketika ini. Mengikut amalan sedia ada, penyimpanan dokumen dan maklumat sama ada berbentuk dokumen, perbincangan, takwim, tugasan, minit mesyuarat, status projek dan lain-lain adalah dengan menggunakan platform dan kaedah seperti *email, datastorage politeknik, thumbdrive, external hard disk dan google drive.* Kaedah sedia ada ini mempunyai kelemahan tersendiri dari segi ruang penstoran, kawalan/akses, kerosakan/kegagalan fungsi disebabkan oleh serangan virus, kehilangan data dan pengurusan pemfailan.

Secara amnya, keperluan MyPiP adalah sebagai satu platform penyimpanan dokumen dan perkongsian maklumat yang dapat membantu proses kerja di kalangan warga kerja di Jabatan Perdagangan.  Untuk permulaan, penggunaan MyPiP telah diaplikasikan dan digunapakai di dalam Program Pemasaran.  Kewujudan MyPiP dapat meringankan tugasan harian bagi mereka yang terlalu mementingkan masa, kos dan tenaga. MyPiP juga dapat membantu pengguna memantau kemajuan satu-satu proses kerja mereka dengan cara menyimpan proses kerja berkenaan ke dalam MyPiP. Ini dapat melahirkan pekerja yang proaktif melalui amalan kerja yang sistematik dan berkualiti.

## 1.3 KAEDAH PENYIMPANAN SEBELUM DAN SELEPAS PERLAKSANAAN MyPiP




**RAJAH 1** : KAEDAH PENYIMPANAN DOKUMEN **<u>SEBELUM</u>** PERLAKSANAAN MyPiP




**RAJAH 2** : KAEDAH PENYIMPANAN DOKUMEN **SELEPAS** PERLAKSANAAN MyPiP

## 1.4 TUJUAN INOVASI

Tujuan utama inovasi ini dibangunkan adalah untuk mewujudkan satu platform perkongsian maklumat, pengurusan dan penyimpanan dokumen yang lebih tersusun berbanding dengan penggunaan atau amalan sistem secara konvensional di semua peringkat pengurusan di dalam sesebuah organisasi. Tujuan-tujuan lain adalah seperti berikut :-

i. Membolehkan maklumat sama ada berbentuk dokumen, perbincangan, takwim, tugasan, minit mesyuarat, status projek dan lain-lain dapat dikongsi dan disampaikan dengan lebih tersusun dan terurus.
ii. Membolehkan interaksi di dalam organisasi berlaku tanpa dibatasi ruang dan waktu.
iii. Maksimumkan kemudahan yang disediakan oleh perkembangan IT seperti web atau internet untuk keperluan pembelajaran & pengurusan.
iv. Membudayakan kerja secara online.

# 2. MANUAL ASAS MEMBANGUNKAN PLATFORM MyPiP

## 2.1 KAEDAH UNTUK LOG MASUK

- Taipkan **http://portal.cidos.edu.my** pada browser atau taip '**CIDOS**' pada enjin pencarian.




- Masukkan **username** dan **password** menggunakan NO. K/P tanpa simbol '-' dan klik 'Log in'.



## 2.2 KAEDAH UNTUK 'CREATE PLATFORM'

- Klik ikon LMS untuk masuk ke platform pensyarah




- Klik ikon Home untuk masuk ke LMSPPD



- Klik Jabatan Perdagangan @ klik Jabatan masing-masing




- Klik pada nama masing-masing




- Klik Add a new course



- Masukkan **Course full name** dan **Course short name** serta lengkapkan maklumat yang lain.




- Setelah selesai, klik **'Save changes'**.



## 2.3 KAEDAH UNTUK CUSTOMIZE PLATFORM

- Klik pada button Turn Editing On untuk customize platform. Sebaik sahaja di klik, button tersebut akan bertukar warna dari hijau kepada merah.




- Klik pada ikon Edit Summary



- Bagi kerja-kerja mereka bentuk Banner atau Profile Cidos, anda boleh layari [https://www.canva.com](https://www.canva.com). Berikut adalah contoh banner atau Profile Cidos yang telah saya hasilkan.




- Masukkan profile cidos masing-masing dan klik pada butang 'insert picture' dan klik butang Save changes.


Summary of CATATAN KP DPR
ADMINISTRATION
General
Section name
CATATAN KP DPR
Use default section name
Summary
Font family
Font size
Paragraph
Platform KP DPR
Path: p » img
Save changes
Cancel

- Klik pada +Add an activity or resource untuk mewujudkan aktiviti dan kategori fail.



- Pilih jenis aktiviti yang diinginkan dan klik Add

- Assignment : Tugasan
- Chat : Perbualan secara On-line
- Choice
- Database : Pangkalan Data
- External Tools
- Feedback : Maklum balas
- Forum : Forum Perbincangan



- Pilih jenis aktiviti yang diinginkan dan klik Add

- Glossary : Senarai istilah
- Lesson : Pengajaran
- Quiz : Kuiz
- SCORM Package
- Survey : Kaji selidik
- Wiki
- Workshop



- Pilih jenis aktiviti yang diinginkan dan klik Add

- Book : Resource dalam format buku
- File : Boleh memuatnaik dokumen
- Folder : Fail utama
- IMS Content Package : Fail dalam bentuk ZIP
- Label
- Page : Maklumat dalam bentuk Web Page
- URL : Link untuk ke Lama Web



## 2.4. Kaedah Untuk Tetapkan Enrollment Method

**Manual**

- ***Admin boleh memilih dan menetapkan nama-nama kakitangan untuk kebenaran mengakses platform MyPiP***

**Guest**

- ***Membenarkan guest untuk access platform atau tidak***

**Self enrolment**

- ***Admin benarkan kakitangan untuk daftar dan akses sendiri ke dalam platform.***
- ***Admin boleh setkan password dan berikan kepada kakitangan tertentu sahaja untuk mengakses ke dalam platform.***

## 3. CONTOH MyPiP YANG TELAH DIBANGUNKAN



News forum

BOLEH SAYA BANTU SAHABAT ? JOM CHATTING !




## DOKUMEN PERANCANGAN ORGANISASI

Pelan Strategik

## TAKWIM POLI & JABATAN

Takwim P&P Politeknik Sesi Jun 2018

Takwim P&P Politeknik Sesi Dis 2017

## STRUKTUR PROGRAM DPR

Struktur Program DPR Dis 2016

Struktur Program DPR Jun 2014

Struktur DPR Dis 2016 (Student's Copy)

Struktur DPR Jun 2014 (Student's Copy)

## SILIBUS PROGRAM DPR

- Elektif
- Semester 1
- Semester 2
- Semester 3
- Semester 4
- Semester 5
- Surat Pekeliling Penambahbaikan Kurikulum

## PENILAIAN & PEPERIKSAAN

- FEIST DPR Sesi JUN 2018
- FEIST DPR Sesi DIS 2017
- FEIST DPR Sesi JUN 2017
  - Analisis FEIST DPR Jun 2017
- FEIST DPR Sesi DIS 2016
- Rubriks Taxonomy
- Laporan & Analisa Panel Luar Terhadap Item Peperiksaan Akhir Sesi Dis 2016
- Laporan & Analisa Panel Luar Terhadap Item Peperiksaan Akhir Sesi Jun 2017
- SOP Exam
- Ringkasan Garis Panduan Peperiksaan
- GP Arahan Exam Diploma Edisi 5 Dis 2015
- Analisis Prestasi Penilaian & Peperiksaan DPR Sesi Jun 2017
- Tarikh-Tarikh Penting Exam Sesi Dis 2017

## CORR & PLORR

- Laporan Pencapaian Hasil Pembelajaran Program (PLORR) DPR COHORT June 2015
- Laporan Pencapaian Hasil Pembelajaran Program (PLORR) DPR COHORT Dec 2014
- Laporan Pencapaian Hasil Pembelajaran Program (PLORR) DPR COHORT June 2014
- Senarai Kursus Tidak Mencapai CLO & PLO < 50%

## KPI PPI

- Buku Panduan KPI PolyPMo 2016
- Checklist Dokumen PPI
- Borang Tuntutan Penceramah (Kerajaan)
- Borang Tuntutan Penceramah (Swasta)
- Borang Pengesahan Kehadiran
- Surat Pengesahan Penerimaan/Persetujuan Dari Industri
- Senarai Semak Tuntutan Penceramah
- Kadar Tuntutan
- KPI PPI FOR DPR (2017)

## PENYELARAS KURSUS DPR

- Penyelaras Kursus Sesi Dis 2017
- Penyelaras Kursus Sesi Jun 2017

## PENASIHAT PROGRAM (AKADEMIK & INDUSTRI)

- CV Penasihat Program DPR (Industri)
- CV Penasihat Program DPR (Akademik)
- Penasihat Industri DPR Lantikan 2017
- Senarai Kolaborasi DPR vs Industri vs Institusi
- Logo Industri & Institusi

## LAPORAN KSP

- Laporan KSP JP Bil 1 2018 (JUN 2017)
- Laporan KSP JP Bil 2 2017 (DIS 2016)
- Laporan KSP JP Bil 1 2017 (JUN 2016)

## LAPORAN ACTION PLAN PRICE WATER COOPER (PWC)

- Laporan Action Plan PWC

## MyTVET INSTRUMENT

- MyTVET INTRUMENT

## LAPORAN POLYRATE

## TABUNG AKTIVITI PELAJAR (TAP) DPR

- Tabung Aktiviti pelajar (TAP) DPR

## BUDGET DPR

- Bid Budget DPR 2018
- Bid Budget JP 2018

## BAHAN PROMOSI DPR

- Taklimat Disiplin
- Taklimat Program Pemasaran Sesi Jun 2018
- Taklimat Program Pemasaran Sesi Dis 2017
- Taklimat Program Pemasaran Sesi Jun 2017

## MESYUARAT DPR

## MAKLUMAT PENSYARAH DPR

- Carta Organisasi Jabatan Perdagangan 2018
- Senarai Pensyarah Kursus & Kelulusan Akademik (DPR) DIS 2017
- Senarai Pensyarah Kursus & Kelulusan Akademik (DPR) JUN 2017
- Senarai Pensyarah Kursus & Kelulusan Akademik (DPR) DIS 2016

## SENARAI XTVT/PROGRAM PEMASARAN

- Program DPR Jan hingga Mac 2017
- KERTAS KERJA PROGRAM DPR SESI JUN 2018
  - LAPORAN PROGRAM DPR SESI JUN 2018
- KERTAS KERJA PROGRAM DPR SESI JUN 2017
  - LAPORAN PROGRAM DPR SESI JUN 2017
- KERTAS KERJA PROGRAM DPR SESI DIS 2017
  - LAPORAN PROGRAM DPR SESI DIS 2017

## BENGKEL CQI

## MQA

- Laporan SRR (Self Review Report) DPR

## FIELD TRIP

- Field Trip Planning

## MARKETING PLAN & FINAL YEAR PRESENTATION

- Ketua Penyelaras
  - BAHAN-BAHAN KETUA PENYELARAS
- Setiausaha
  - BAHAN-BAHAN SETIAUSAHA
- AJK Penilai
  - BAHAN-BAHAN AJK PENILAI
- AJK Buku Program & Publisiti
  - Bahan-bahan Buku Program & Publisiti
- AJK Cenderahati & Sijil
  - Bahan-bahan AJK Cenderahati & Sijil
- AJK Makanan
  - Bahan-bahan AJK Makanan
- AJK Persiapan Dewan & Kebersihan
  - Bahan-bahan AJK Persiapan Dewan & Kebersihan
- Video poliTV
  - Bahan-bahan Video PoliTV
- Foto Aktiviti
  - Bahan-bahan Foto Aktiviti
- Video Recap
  - Bahan-bahan Video Recap

# 4. IMPAK/KEBERKESANAN

Sebelum perlaksanaan MyPiP, kaedah penyimpanan dan penyampaian maklumat lebih tertumpu kepada kaedah konvensional iaitu dengan menjadikan *laptop, desktop, email, external hard disk, thumbdrive, datastorage politeknik, google drive* dan lain-lain sebagai platform untuk menyimpan segala jenis dokumen mengikut amalan kebiasaan organisasi. Selepas perlaksanaan inovasi ini, ia telah memberi impak positif dan dapat membantu untuk menyelaraskan proses penyimpanan dan penyampaian dokumen agar lebih teratur serta mudah diakses.

Berikut merupakan impak dan keberkesanan hasil dari perlaksanaan MyPiP.

## 4.1 Kelancaran Serahan Tugas Kepada Pelapis

| SEBELUM | SELEPAS |
|---|---|
| Proses penyerahan tugas menjadi sukar dan berkemungkinan berlaku salah faham disebabkan terlalu banyak dokumen dan fail. | Proses penyerahan tugas menjadi mudah disebabkan fail-fail, laporan dan dokumen telah berada di dalam Platform MyPiP. |

**<u>Penerangan</u>** :

Jawatan Ketua Program Pemasaran bukannya jawatan hakiki yang akan disandang oleh calon selama-lamanya. Lambat atau cepat, kelak jawatan bagi perkhidmatan dan kekosongan ini bakal diisi oleh kumpulan pelapis atau kakitangan yang berkelayakan dalam Gred DH44.

Justeru itu, perkongsian maklumat adalah antara wadah penting bagi memastikan serahan tugas kepada kumpulan pelapis berkenaan berlaku dalam keadaan yang lancar dan harmoni. MyPiP membantu proses perkongsian maklumat dan melancarkan lagi komunikasi dua hala antara generasi lama dengan generasi baru.

## 4.2 Kemudahan Mengakses

| SEBELUM | SELEPAS |
|---|---|
| Dokumen-dokumen penting agak sukar diakses kerana disimpan di dalam email, external hard disk, pen drive dan lain-lain | Dokumen-dokumen lebih mudah diakses kerana disimpan di dalam satu platform. |

**<u>Penerangan</u>** :

Dengan adanya MyPiP, kakitangan Program Pemasaran boleh mencapai dokumen-dokumen penting walaupun berada di dalam mahu pun di luar Politeknik. Sebagai contoh, akses terhadap FEIST setiap kali Bengkel Pemurniaan Item Penilaian Akhir diadakan. Sekiranyanya FEIST ini diletakkan di MyPiP, maka tiada kerisauan untuk mendapatkan maklumat tersebut sekiranya Ketua Program berada di luar Politeknik.

Begitu juga, sekiranya sebarang bengkel atau kursus yang melibatkan pendokumentasian, tidak kira sama ada bengkel atau kursus tersebut dijalankan di dalam mahu pun di luar politeknik, maka dokumen tersebut mudah untuk dirujuk dan diedit secara *online* dan dokumen tersebut boleh di *overwrite*. Kemungkinan, sekiranya sesuatu dokumen atau bahan persembahan hilang dari *laptop*, *thumbdrive*, *external hard disk* atau sebagainya, dengan hanya meletakkan dokumen di MyPiP, pengguna boleh mencapai maklumat itu kembali secara *online*. Dengan secara tidak langsung maklumat tersebut boleh dikongsikan bersama di kalangan warga Jabatan Perdagangan mengikut kebenaran akses yang diberikan oleh pengguna tersebut.

## 4.3 Kebenaran Mengakses

| SEBELUM | SELEPAS |
|---|---|
| Dokumen-dokumen penting dan sulit dapat diakses oleh sesiapa sahaja sekiranya berlaku kecuaian dan kebocoran maklumat dalam proses penyimpanan. | Kedudukan dokumen lebih selamat dengan penetapan kebenaran akses terhadap maklumat tersebut. |

**Penerangan** :

Tiada menjadi permasalahan, seandainya sesuatu dokumen, maklumat, mahupun perbincangan yang dibincangkan adalah sulit dan penting yang akan dijadikan rujukan pada masa-masa akan datang, maka kebenaran akses boleh dibuat melalui penetapan 'Enrollment Method' bagi mengelakkan pengguna lain mencapainya dengan kebenaran akses secara peringkat. Keperluan Self Enrollment atau Manual Enrollment boleh digunapakai mengikut kebenaran akses yang telah diberikan. Kebenaran akses adalah mengikut keutamaan dan keperluan sama ada ianya sulit mahupun terbuka.

## 4.4 Proses Kerja Lebih Produktiviti

| SEBELUM | SELEPAS |
|---|---|
| Proses kerja kurang produktif. | Proses kerja lebih produktif. |

**Penerangan** :

Kesibukan pegawai dengan masa mereka yang agak terhad menyebabkan sesuatu keputusan terpaksa ditangguh atau ditunda. Dengan adanya teknologi maklumat dan komunikasi, ianya boleh menjadi satu budaya di mana maklumat dapat dicapai dengan cepat dan dapat mengurangkan penggunaan kertas sejajar dengan saranan kerajaan.
Sebagai contoh, kertas kerja yang telah disahkan dan laporan yang telah dilaksanakan oleh kakitangan boleh di muat naik ke MyPiP bagi rujukan Ketua Program. Ini dapat

mengurangkan penggunaan kertas dan proses penyemakan bagi KPI PPI dapat dilaksanakan dengan mudah. Secara tidak langsung, ianya memudahkan seorang ketua untuk memantau segala perancangan dan perlaksanaan program serta aktiviti bagi tahun berkaitan. Segala dokumen dan maklumat yang berkaitan dapat dikongsikan bersama di antara kakitangan di dalam organisasi dengan cepat dan mudah.

### 4.5 Keberkesanan Terhadap Sistem Pengurusan Maklumat

| SEBELUM | SELEPAS |
|---|---|
| Pengurusan terhadap sistem maklumat kurang berkesan. | Pengurusan terhadap sistem maklumat lebih berkesan. |

**<u>Penerangan</u>** :

Pengurusan maklumat di MyPiP dapat direalisasikan dengan penyimpanan dokumen yang lebih tersusun dan teratur berbanding dengan penggunaan sistem yang lama. Ini memudahkan pengguna melakukan carian bagi tujuan pengurusan maklumat. Ianya secara tidak langsung dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga. Contohnya, terdapat banyak fail bagi tujuan dan persediaan pengauditan, maka, proses pencarian terhadap dokumen-dokumen serta maklumat-maklumat tersebut memerlukan masa.

Dengan adanya MyPiP dapatlah pengguna menyimpannya di tempat yang mudah untuk dirujuk dan dapat dikongsi bersama. Data-data serta maklumat ini disusun mengikut kategori agar proses pencarian menjadi cepat dan mudah. Disamping itu juga, semua dokumen-dokumen yang memerlukan perkongsian, bolehlah di muat naik (*upload)* ke fail-fail berkaitan.

# 5. KESIMPULAN

Untuk memastikan keberkesanan terhadap proses penyimpanan dokumen serta penyampaian maklumat di dalam organisasi secara menyeluruh, calon mempunyai rancangan untuk mengembangkan lagi inovasi ini di kalangan kakitangan dan warga kerja di Jabatan Perdagangan khasnya dan politeknik amnya. Ini bagi membantu proses kerja di kalangan warga kerja Politeknik Port Dickson agar lebih efektif dan produktif. Perlaksanaan MyPiP dapat meringankan tugasan harian bagi mereka yang terlalu mementingkan masa, kos dan tenaga. MyPiP juga dapat membantu pengguna memantau kemajuan satu-satu proses kerja mereka dengan cara menyimpan proses kerja berkenaan ke dalam MyPiP. Ini dapat melahirkan pekerja yang proaktif melalui amalan kerja yang sistematik dan berkualiti.

*e-Pembelajaran merupakan satu kaedah pembelajaran atas talian yang berasaskan LMS (Learning Management System). Perlaksanaan e-pembelajaran dikebanyakkan Politeknik Malaysia mengguna pakai CIDOS (Curriculum Information Document Online System) sebagai kaedah pembelajaran secara atas talian. Sejajar dengan perkembangan teknologi tanpa wayar mutakhir ini, aplikasi CIDOS semakin mudah diakses dan diguna pakai di mana jua pada bila-bila masa. Sehubungan itu, tujuan inovasi ini dijalankan adalah untuk memanipulasi dan memaksimumkan penggunaan CIDOS bukan hanya untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran malah dapat dimanfaatkan untuk kegunaan lain di dalam organisasi pengurusan.*

*Bertitik tolak dari keperluan inilah maka terhasilnya My Programme Information Platform (MyPiP). MyPiP adalah sebuah platform bersepadu berasaskan LMS (Learning Management System) yang diaplikasikan dari penggunaan CIDOS (Curriculum Information Document Online System) untuk kegunaan semua peringkat pengurusan di dalam sesuatu organisasi. Untuk permulaan, calon sebagai Ketua Program telah cuba untuk membangunkan satu platform bersepadu bagi memudahkan kerja-kerja penyimpanan dokumen dan perkongsian maklumat.*